

MPC 100-16/4/9

3 Disember 2020

**Akar Digital Sdn. Bhd.**

No 15B, Jalan USJ 21/11

47630 Subang Jaya,

Selangor

(U.P.: Encik Muhamad Fadlishah Rusli)

No. Tel: 03-80815557

Tuan,

**LANTIKAN SEBAGAI PENULIS BAGI PROJEK PENERBITAN 10 E-ARTIKEL AMALAN TERBAIK BAGI PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRISE (SPPE-MPB)**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah merancang untuk penerbitan 10 e-artikel Amalan Terbaik bagi program Skim Peningkatan Produktiviti Enterprise (SPPE-MPB).

3. Di antara objektif adalah untuk mendokumentasikan amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat PKS yang telah mengikuti program SPPE ini dari tahun 2017 – 2020. Penulisan di dalam bentuk elektronik ini juga akan digunakan bagi mempromosi dan menyebarkan aktiviti-aktiviti penambahbaikan berterusan di syarikat yang akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan daya saing syarikat.

4. Bagi tujuan tersebut, MPC bersetuju melantik Akar Digital Sdn. Bhd. sebagai penulis yang akan melaksanakan aktiviti menulis, menyunting, membuat layout/infografik sehingga kepada deraf penulisan 10 e-artikel tersebut. Bersama-sama ini disertakan Terma Rujukan untuk makluman tuan.

5. Pembayaran untuk tugas penulisan dan mereka bentuk layout berdasarkan kepada 10 e-artikel amalan terbaik yang telah siap ditulis. Ini bermakna, jumlah keseluruhan maksimum yang akan dibayar oleh MPC adalah sebanyak **RM18,000.00**. Pembayaran akan dibuat setelah menerima deraf pertama dan setelah semua muka surat diedit serta telah memenuhi spesifikasi penerbitan MPC.

6. Tuan dimohon untuk melengkapkan Borang Setuju Terima Tawaran MPC dan menghantar borang tersebut kepada Mohd Faizol Abd Rahman (email: [mohdfaizol@mpc.gov.my](mailto:mohdfaizol@mpc.gov.my)) selewatnya **6 Disember 2020**. Pihak tuan juga boleh menghubungi pegawai tersebut di talian 013-7118134 untuk maklumat lanjut mengenai tawaran ini.


Pertimbangan dan kerjasama tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINUDIN ELIAS)**

Timbalan Pengarah

Khidmat Nasihat & Perundingan Produktiviti (PACS)

Bp Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



## TERMA RUJUKAN

### **PENULIS UNTUK PENERBITAN 10 E-ARTIKEL AMALAN TERBAIK DI BAWAH PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS (SPPE-MPB)**

1. Penulisan penerbitan ini adalah sebanyak 10 e-artikel.
2. Dokumen tersebut perlulah dalam bentuk softcopy dan piawaian seperti berikut dipatuhi:
  - a. Jenis tulisan – Arial 12
  - b. Jarak – 1 spacing
3. Pihak yang dilantik perlu membuat penyuntingan setelah mendapat maklum balas dari MPC untuk menambah baik draf 1. Tempoh penyuntingan adalah selama seminggu dari tarikh menerima maklum balas dari MPC.
4. Pihak yang dilantik perlu menghantar draf dan membuat penambahbaikan berdasarkan kepada cadangan yang diberikan oleh syarikat.
5. Seterusnya, pihak dilantik perlu mereka bentuk infografik (*artwork*) dan *layout* untuk 10 e-artikel tersebut. Sebarang penambahbaikan berdasarkan cadangan yang diberikan oleh syarikat perlu dipatuhi oleh pihak yang dilantik.
6. Projek ini dijangka siap pada **30 Disember 2020** dengan andaian tiada penangguhan dalam mana-mana proses sepanjang pelaksanaannya.
7. Pembayaran akan dibuat oleh MPC dengan jumlah **RM18,000.00** bagi 10 e-artikel selepas pihak yang dilantik memenuhi perkara 1-8 di dalam terma rujukan untuk projek penerbitan ini dan memenuhi semua spesifikasi penerbitan MPC.
8. Semua penulisan yang dibuat adalah hak milik MPC dan tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian penerbitan, ilustrasi, reka bentuk, grafik dan isi kandungan dalam apa jua cara sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau apa-apa cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
9. Tiada fasa pembayaran untuk projek ini kerana pembayaran akan dibuat secara penuh setelah semua tugas siap sempurna.
10. MPC berhak membatalkan tawaran ini sekiranya terdapat isu-isu yang tidak dijangka.

No Rujukan: MPC.100-16/4/9

\_\_\_ Disember 2020

Ketua Pengarah  
Perbadanan Produktiviti Malaysia  
P.O. Box 64, Jalan Sultan  
46904 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan.  
(U.P.: Zainudin Elias)

Faks : 03-7954 7910

Tuan,

**AKUAN SETUJU TERIMA PENULIS BAGI PROJEK PENERBITAN 10 E-ARTIKEL AMALAN TERBAIK BAGI PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRISE (SPPE-MPB)**

Saya \_\_\_\_\_ mewakili pihak syarikat **Akar Digital Sdn. Bhd.** no. K/P: \_\_\_\_\_ bersetuju dilantik sebagai Penulis Penerbitan 10 Artikel SPPE-MPB yang bernilai **RM18,000.00** dalam tempoh **3 – 30 Disember 2020**. Saya memahami dan akan mematuhi terma dan syarat pelaksanaan projek ini mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan pelantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama :

Jawatan :

Cop Syarikat : .....